

MENTERI BESAR PAHANG RASMI BCIC LODGE MILIK PKNP

KUANTAN, 17 April 2021 - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah merasmikan bangunan BCIC Lodge di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. BCIC Lodge sebelum ini dikenali sebagai Kompleks Dagangan Mahkota (KDM). Turut hadir dalam majlis perasmian ini YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak.

Sejak 2008, BCIC Lodge telah menjalankan fungsinya sebagai *One Stop Centre* yang menawarkan perkhidmatan sewaan kemudahan bagi majlis perkahwinan, jamuan makan malam, seminar, kursus, mesyuarat, kem motivasi dan sebagainya. Selain itu, BCIC Lodge juga menawarkan penginapan dengan kemudahan yang selesa dan harga yang berpatutan.

BCIC Holdings Sdn Bhd merupakan salah satu anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan telah dibina sejak 32 tahun yang lalu iaitu pada 16 Mac 1989.

Disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP

#PerbadananKemajuanNegeriPahang

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

Foto : Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman



Upacara memotong riben oleh YAB. Menteri Besar Pahang sebagai simbolik perasmian BCIC Lodge



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyampaikan cenderahati kepada YAB. Menteri Besar Pahang